

Bekalan makanan asas mencukupi, tidak perlu panik - KPDNHEP Bintulu

2020-03-25T12:10:19+08:00

oleh Abang Ismail Abang Su'ud




Nazari (kiri) bercakap sesuatu dengan anggotanya semasa membuat pemeriksaan bekalan barang asas di sebuah pasar raya di Bintulu.

BINTULU: Orang ramai di sekitar bahagian ini dinasihatkan untuk tidak melakukan pembelian panik memandangkan bekalan makanan asas mencukupi dan boleh didapati di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

Menurut Ketua Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Bintulu, Nazari Hassan, sejak PKP dikuat kuasa pada 18 Mac lalu, hasil pemantauan mendapati bekalan asas seperti gula, minyak masak, tepung, makanan dalam tin, bahan api petrol dan diesel serta barangan sedia bungkus yang lain adalah mencukupi.

Katanya, pemantauan harian akan terus dijalankan di premis menjual barang keperluan asas terutama di peringkat pemborong utama, pasar raya dan premis perniagaan lain.

"Pengguna disaran tidak membuat pembelian panik kerana pihak KPDNHEP Bintulu sentiasa memantau dan memastikan bekalan barang keperluan harian sentiasa mencukupi di pasaran," katanya dalam kenyataan media hari ini.



Anggota penguat kuasa KPDNHEP Bintulu membuat pemeriksaan bekalan asas dan harga barang yang ditawarkan di sebuah pasar raya di Bintulu.

Nazari berkata, sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa, KPDNHEP Bintulu tidak menerima aduan berkaitan barang bekalan keperluan asas, cuma setakat ini didapati bekalan topeng dan pencuci tangan pembasmi kuman mengalami gangguan stok.

"Pihak KPDNHEP Bintulu amat berterima kasih kepada pemborong, pasar raya dan premis perniagaan lain di Bintulu yang terlibat secara langsung atau pun tidak kerana memberi kerjasama baik kepada pihak kami dalam memantau bekalan barang keperluan asas ini dan seterusnya untuk memastikan ia (bekalan asas) mencukupi di pasaran," katanya yang turut membuat pemeriksaan di pasar raya Bintulu bersama anggota-anggotanya di sini.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/25/bekalan-makanan-asas-mencukupi-tidak-perlu-panik-kpdnhep-bintulu>